

Kebajikan dan akademik pelajar UPMKB terjaga sepanjang PKP

Sumbangan UPMKB

MENGINJAK ke lusa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semestinya berbagai-bagai perasaan yang bermain di fikiran terutamanya pelajar institusi pengajian tinggi yang tinggal di dalam kampus.

Bagi Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) seramai 899 pelajar terdiri daripada 444 pelajar lelaki, 455 pelajar perempuan dan tiga pelajar antarabangsa menghuni di asrama kampus itu.

Semenjak PKP dilaksanakan, pihak pengurusan UPMKB telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan kumpulan tindakan yang diberi nama Covid-19 Action Team yang terdiri daripada pegawai-pegawai utama meliputi Pengarah Kampus, Dekan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Sri Rajang, Bahagian Strategik, Komunikasi Korporat dan Jaringan, Unit Akademik Pusat, Unit Pengurusan Penyelidikan Dan Pasca Siswazah, Bahagian Keselamatan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pembangunan dan Taman Pertanian Universiti, serta Bahagian Kewangan.

Kumpulan ini akan bermesyuarat setiap dua hari sekali secara sidang video bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan pengurusan kampus terutamanya pengurusan para pelajar. Selain itu juga, pusat kesihatan UPMKB iaitu Klinik Satelit turut beroperasi seperti biasa bagi membolehkan pelajar mendapatkan rawatan yang diperlukan.

Bagi pelajar semester kelima Diploma Perhutanan Mohd Haizad Syazwan Kalana yang berasal dari Sabah, walaupun pergerakan mereka amat terbatas, beliau berasa selamat berada di dalam kampus kerana pihak kolej sentiasa mengamalkan etika kebersihan yang ketat dengan melakukan pembersihan dengan kerap dan menyediakan 'hand sanitizer' di lokasi-lokasi tumpuan pelajar terutamanya di blok asrama dan kantin.

"Kebajikan kami sangat-sangat terjaga dengan baik sepanjang tempoh PKP kerana makanan harian telah diperuntukkan setiap hari bermula perintah PKP dilaksanakan.

"Selain itu, kebersihan sentiasa dititikberatkan serta keperluan barang harian yang diterima melalui sumbangan juga telah diagihkan kepada kami pada waktu dan masa yang sangat-sangat sesuai," tambahnya.

Bagi pelajar semester keempat Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan Nur Nadhirah Zunaidi yang berasal Selangor, beliau ber-



syukur kerana walaupun berjauhan dari keluarga,

segala keperluan beliau dan rakan-rakan dijaga dengan baik. Beliau turut mengakui merindui keluarga di kampung halaman.

"Dengan teknologi yang ada, ibu bapa saya masih dapat mengikuti perkembangan saya di sini dengan membuat panggilan video setiap hari," ujarnya.

Berlainan pula dengan Muhammad Solchuddin Mohd Ramzan, pelajar semester keempat Bachelor Sains Bioindustri yang berasal dari Pahang, beliau mengakui berasa sedikit tertekak pada mulanya kerana pembelajaran ter-tangguh dan kehidupan seperti terkurung, tetapi lama-kelamaan beliau dapat mengadaptasi situasi tersebut dan faham mengapa pihak kerajaan mengambil langkah sedemikian.

Beliau turut menzahirkan perasaan teruja kerana dapat membantu rakan-rakan di kediaman asrama dalam menjaga kebajikan mereka sepanjang tempoh PKP. Beliau turut memuji pihak universiti dan pengurusan asrama dalam menjaga kebajikan pelajar dari segi penyediaan makanan harian mahupun dari segi pengurusan makanan serta barangan keperluan sumbangan daripada orang luar.

Ketiga-ketiga pelajar ini adalah sukacita yang

bersama-sama berganding bahu dengan pihak pengurusan UPMKB dalam menguruskan aktiviti pelajar di kampus.

Mengulas tentang peperiksaan akhir bagi pelajar Diploma dan Persediaan Diploma yang akan diadakan bermula 27 April ini, Dekan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan Profesor Madya Dr Shahrul Razid Sarbini berkata, peperiksaan akhir akan digantikan dengan kaedah penilaian alternatif yang lain seperti 'take-home-exam', 'open-book-exam', peperiksaan secara dalam talian, tugas akhir dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian.

"Mekanisme penilaian yang digunakan akan dipastikan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu," tambah beliau.

Bagi pelaksanaan program Bachelor, Master dan PhD, kuliahan secara ruaya akan diadakan bermula pada 27 April 2020.

Katanya, pihak pengurusan UPMKB komited dalam menangani isu pandemik COVID-19 dan berharap agar wabak yang melanda hampir seluruh dunia ini akan segera berakhir dan institusi pengajian tinggi akan dapat beroperasi seperti sedia kala.

